

Propaganda Sektor Perkhidmatan Awam di Persekutuan Tanah Melayu melalui Malayan Film Unit (MFU), 1957–1963

Propaganda of Civil Service Sector in the Federation of Malaya through the Malayan Film Unit (MFU), 1957–1963

Chellitda Farhana Gunaish¹, Mohd Firdaus Abdullah^{2*} and Wan Hasmah Wan Teh³

¹Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 5 Wangsa Maju, Jalan 8/27A, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur, MALAYSIA

²Center for Research in History, Politics and International Affairs, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA

³Literature Section, School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, MALAYSIA

*Corresponding author: mfa@ukm.edu.my

Published online: 30 September 2024

To cite this article: Chellitda Farhana Gunaish, Mohd Firdaus Abdullah and Wan Hasmah Wan Teh. 2024. Propaganda sektor perkhidmatan awam di Persekutuan Tanah Melayu melalui Malayan Film Unit (MFU), 1957–1963. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 23: 73–89. <https://doi.org/10.21315/ws2024.23.6>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/ws2024.23.6>

ABSTRACT

This research aimed to investigate the extent of the roles played by the Malayan Film Unit (MFU) as a propaganda platform for the civil service sector by the federal government from 1957 until 1963. The government had indeed been using MFU as a platform to promote the roles and to attract the support of the citizens towards the civil service sector in the Federation of Malaya. Various films had been produced based on the selected themes in the civil service sector. Moreover, the films had been played at the cinemas and mobile cinematic shows (locally called wayang pacak) in the whole of the Federation of Malaya along the specified period. This research was qualitative in nature and completely employed the historic research methodology. The materials and resources were obtained from the National Archives Malaysia, National Film Development Corporation Malaysia (FINAS), National Library of Malaysia, libraries at the local higher learning institutions nationwide, and others. The findings showed that MFU played it significant roles as a propaganda tool in the efforts by the federal government to promote the roles and to attract the support from the citizens towards the activities of civil services in the Federation of Malaya. In fact, MFU was seen as the earliest platform used by the government for the earlier-mentioned purpose, which was then further enhanced after the formation of Malaysia and establishment of Malaysian National Film Department in 1963.

Keywords: Malayan Film Unit, Federation of Malaya, civil service, propaganda, federal government

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana Malayan Film Unit (MFU) memainkan peranan sebagai medium propaganda sektor perkhidmatan awam oleh kerajaan persekutuan dari tahun 1957 hingga tahun 1963. Kerajaan sememangnya telah menggunakan MFU bagi mempromosikan peranan dan menarik sokongan penduduk terhadap sektor perkhidmatan awam di Persekutuan Tanah Melayu. Pelbagai filem telah dihasilkan berdasarkan tema-tema terpilih dalam sektor perkhidmatan awam. Seterusnya, filem-filem ini telah ditayangkan di

panggung wayang dan pertunjukan wayang bergambar (wayang pacak) di seluruh Persekutuan Tanah Melayu sepanjang tempoh yang dinyatakan. Penyelidikan ini berbentuk kualitatif dan menggunakan sepenuhnya kaedah penyelidikan sejarah. Bahan dan sumber diperoleh dari Arkib Negara Malaysia, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Perpustakaan Negara Malaysia, perpustakaan institut pengajian tinggi awam di seluruh Malaysia, dan lain-lain. Hasil kajian menunjukkan, MFU berperanan penting sebagai alat propaganda dalam usaha kerajaan persekutuan mempromosikan peranan dan menarik sokongan penduduk terhadap aktiviti perkhidmatan awam di Persekutuan Tanah Melayu. Malah, MFU dilihat sebagai medium terawal yang digunakan oleh kerajaan bagi tujuan yang dinyatakan yang selepas itu terus dimantapkan selepas pembentukan Malaysia dan penubuhan Filem Negara Malaysia pada tahun 1963.

Kata kunci: *Malayan Film Unit, Persekutuan Tanah Melayu, perkhidmatan awam, propaganda, kerajaan persekutuan*

PENGENALAN

Propaganda secara umumnya bermaksud ideologi, dakyah, atau pendapat yang disebarluaskan untuk mempengaruhi masyarakat. Chellitda Farhana, Mohd Firdaus dan Wan Hasmah (2022) dilihat telah menjelaskan propaganda adalah kawalan berita dalam sesebuah negara bagi mendapatkan sokongan masyarakat awam. Kenyataan ini turut dipersetujui oleh Sahul Hamid (2017) yang merumuskan propaganda sebagai pembujukan terancang yang tidak menggunakan kekerasan manakala perang adalah pembujukan dengan kekerasan. Propaganda telah berfungsi untuk menapis media agar penerbitan dan penyebaran maklumat kepada masyarakat tidak mempamerkan kesalahan dan kelemahan sesebuah kerajaan (Asyiqah 2021). Justeru, propaganda menjadi instrumen penting kepada pemerintah dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat agar sentiasa memberikan sokongan kepada dasar kerajaan (Sahul Hamid 2010). Kebanyakan negara maju seperti Jepun, China dan Perancis telah menggunakan filem sebagai bahan propaganda pemerintah dengan hasrat untuk membangunkan masyarakat mereka melalui suntikan elemen pemikiran tinggi dan nilai budaya dalam karya-karya filem mereka (Siti Normala, Mohamad Saleeh dan Md Azalanshah 2018).

Sebelum kemerdekaan tanah air, British telah menubuhkan MFU pada tahun 1946 bagi melaksana agenda propaganda dan perang saraf melalui penerbitan filem di Persekutuan Tanah Melayu (2001/0019869 n.d.). Hal ini kerana, British menyedari bahawa filem merupakan medium penting untuk menyebarkan pengaruh, nilai moral, simbol dan konsep susunan sosial (Badrul Redzuan 2015). Dalam masa yang sama British juga sedar bahawa melalui medium yang dinyatakan, mereka dapat menguasai dunia melalui ideologi, propaganda, penyebaran budaya seperti imperialisme budaya dan lain-lain tanpa menggunakan peperangan (Mohd Firdaus et. al 2021). Hal ini telah menjimatkan perbelanjaan British di tanah jajahan meskipun mereka dikejutkan dengan kekalahan dalam Perang Dunia Kedua kepada Jepun (Sulzberger 1985). Selepas kemerdekaan, kerajaan persekutuan sedar akan kepentingan MFU sebagai medium propaganda yang terbaik untuk rakyat. Hal ini turut didorong melalui kejayaan MFU yang dilihat cemerlang dalam menjaga imej dan kepentingan British sebelum kemerdekaan tanah air, melalui penerbitan pelbagai filem propaganda (Chellitda Farhana 2022). Rentetan itu, MFU dikekalkan sebagai badan propaganda kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Dalam tempoh yang sama, sektor perkhidmatan awam yang ditubuhkan melalui penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), pada 31 Ogos 1957, sebagaimana termaktub dalam Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan telah menjadi antara prospek utama kerajaan dalam usaha mengetengahkan peranan dan fungsi sektor ini dalam kalangan masyarakat (Sharifah Darmia 2016). Hal ini kerana, perkhidmatan awam adalah bertujuan untuk menangani keperluan khusus yang berkaitan dengan masyarakat (Norma 2008). Malah, memandangkan peranan dan tanggungjawab perkhidmatan awam sangat penting, pada awal tahun 60-an, kerajaan persekutuan di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman memperkenalkan dasar meMalaysiakan perkhidmatan awam.

Struktur perkhidmatan awam selepas kemerdekaan tanah air dilihat berbeza jika dibandingkan dengan perkhidmatan awam di bawah pentadbiran British. Hal ini menurut Tun Abdul Razak yang pada ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan telah menyatakan bahawa perkhidmatan awam di bawah British hanya berfungsi sebagai perkhidmatan penjagaan dan penyelenggaraan masyarakat. Perkhidmatan tersebut lebih menumpukan kepada kerja rutin untuk mengekalkan “status quo” dan menjalankan pembangunan berdasarkan keperluan (Mohd Sohaimi 2011; Loganathan dan Sivachandralingam 2014). Situasi yang dinyatakan dapat dilihat dengan jelas melalui filem propaganda MFU sebelum kemerdekaan seperti filem *Getah* (1951), *Before The Wind* (1953), *Buffaloes for Ploughing* (1953), *The Letter* (1953), *Padi Song*

(*Peladang*) (1954), dan lain-lain. Melalui filem yang tersenarai, penyelidik melihat, British secara langsung cuba menerapkan dasar pecah dan perintah melalui usaha mereka mengasingkan serta mengekalkan “status quo” masyarakat utama di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan tanah air. Misalnya, filem *Padi Song (Peladang)* yang diterbitkan pada tahun 1954 dihasilkan bertujuan mengekalkan “status quo” masyarakat Melayu dengan menggalakkan mereka kekal dengan pertanian seperti tanaman padi. Malah, British dilihat mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu dengan menunjukkan teras budaya Melayu adalah berkait rapat dengan tanaman padi.

Situasi ini turut dipersetujui oleh Afifuddin (1990), Mohd Firdaus dan Arba’iyah (2019) yang menyatakan tujuan British mengasingkan dan meletakkan masyarakat Melayu dengan pertanian adalah untuk mengekalkan penguasaan mereka di Tanah Melayu. Hal ini kerana melalui pengasingan ekonomi berdasarkan kaum, ia merupakan strategi dalam penguasaan sesebuah kawasan atau wilayah dengan cara memecahkan kelompok kuasa yang besar kepada kelompok yang lebih kecil (Shemaala 2022). Konsep ini juga merujuk kepada pemecahan struktur kekuasaan sedia ada dan menghalang kelompok-kelompok kecil itu daripada bersatu dan berhubungan (Christopher 1988). Situasi ini juga membuktikan bahawa British mempunyai agenda yang tersembunyi dalam penerbitan filem propaganda MFU, meskipun mereka menyatakan penubuhan MFU adalah bertujuan untuk membantu British memberi penerangan, mendidik dan mengeratkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di samping memperkenalkan Tanah Melayu kepada dunia luar (1957/0676229 1946).

Namun begitu, selepas kemerdekaan negara, Tunku Abdul Rahman melihat perkhidmatan awam yang sangat penting dan bertindak sebagai agensi *regulatory*, pemangkin serta fasilitator kepada pembangunan negara. Malah, perkhidmatan awam juga merupakan jentera pelaksana semua program dan rancangan pembangunan bagi kepentingan segenap lapisan masyarakat (Loganathan dan Sivachandralingam 2014). Melihat kepada kepentingan sektor perkhidmatan awam pada ketika itu, seperti yang dinyatakan sebelum ini, kerajaan persekutuan mengekalkan peranan MFU sebagai badan propaganda kerajaan. Hubungan erat antara Tunku Abdul Rahman dan Ow Kheng Law yang merupakan Ketua Pengarah MFU telah memudahkan kerjasama antara MFU dan kerajaan persekutuan dalam tujuan yang dinyatakan (Arizah, Zairul Anuar dan Mohd Nor Shahizan 2016). Hal ini kerana, melalui kerjasama ini, kerajaan persekutuan dapat mempromosikan dan mendidik penduduk dengan informasi yang jelas mengenai agenda dan polisi kerajaan berkaitan sektor perkhidmatan awam melalui filem propaganda MFU.

Usaha yang dilakukan ini bukannya mudah ekoran kerajaan (melalui MFU) perlu menyusun strategi yang bersesuaian dalam mendidik masyarakat berkaitan sektor perkhidmatan awam. Malah, sektor perkhidmatan awam yang tidak digambarkan dengan baik dalam filem propaganda MFU ketika pemerintahan British turut menjadi cabaran kepada kerajaan dalam penghasilan filem propaganda yang lebih berinformasi, idealistik dan berkesan kepada masyarakat. Beberapa filem propaganda seperti *Looking After You* (1958), *Sa-Kali Chuchok Terus Semboh* (1961), *Building Bonny Babies* (1963), dan lain-lain lagi telah dikenal pasti sebagai antara filem yang mempromosikan sektor perkhidmatan awam di Tanah Melayu dari tahun 1957 sehingga tahun 1963. Secara keseluruhan, filem-filem yang tersenarai telah mengangkat kepentingan transformasi sosial di Tanah Melayu melalui sektor perkhidmatan awam di Tanah Melayu selepas kemerdekaan. Hal ini digambarkan melalui penstrukturkan semula semua aspek kehidupan, daripada budaya kepada hubungan sosial, dari politik ke ekonomi.

Dalam aspek yang lain, kerajaan bercita-cita dalam menjadikan MFU sebagai medium dalam menyatupadukan seluruh rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum yang menjadi nadi terhadap kemajuan pembangunan negara. Penerbitan filem propaganda sektor perkhidmatan awam MFU pada ketika ini dilihat berusaha untuk mewujudkan rasa kekitaan dan muhibah antara masyarakat majmuk di Tanah Melayu meskipun diakui pada ketika ini, kerajaan berhadapan dengan detik yang sukar dalam menyatupadukan penduduk di Tanah Melayu selepas kemerdekaan tanah air (Ayu Nor Azilah, Mohamed Ali dan Wayu Nor Asikin 2019). Hal ini kerana telah wujudnya ketidakstabilan di Tanah Melayu seperti ancaman keselamatan dan masalah perkauman akibat pertembungan ras dan budaya dalam kalangan masyarakat majmuk (Mohamad Rodzi 2009). Maka, penyelidikan ini ingin melihat sejauh mana MFU memainkan peranan sebagai medium propaganda sektor perkhidmatan awam oleh kerajaan persekutuan dari tahun 1957 sehingga tahun 1963.

PENGURUSAN MFU DI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU, 1957–1963

Selepas kemerdekaan, MFU antara agensi yang telah dikekalkan oleh kerajaan dan diletakkan di bawah kawal selia Jabatan Penerangan yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal kewangan serta masalah pentadbiran dan memantau polisi umum unit ini. Sebagai persediaan ke arah berkerajaan sendiri, dasar Malayanisasi atau dasar meMalaysikan telah diimplementasi dalam pelbagai sektor perkhidmatan awam



Foto 1 Tom Hodge selaku Pengarah Urusan Cathay Keris Production berjabat tangan bersama Loke Wan Tho semasa sambutan ulang tahun syarikat (1962).

Sumber: *New Straits Times* (2019).

termasuk agensi filem (Abd. Rahim 2004). Pada 6 Jun 1957, Tom Hodge selaku Ketua Pengarah MFU ketika itu telah menyerahkan tugasnya kepada Ow Kheng Law selepas kontraknya ditamatkan (MFU 1957; *The Straits Times* 1957). Tom Hodge telah ditamatkan kontraknya oleh Ketua Menteri dan beliau juga bersetuju dengan penamatan kontrak tersebut. Beliau kemudian berpindah ke British Foreign Services (MFU 1957). Setelah itu, beliau berkhidmat dengan Cathay Keris Production sebagai Pengarah Urusan di sana (Barnard 2009). Di samping itu, Mohd Zain Hussain yang merupakan pengarah MFU pernah merangkul beberapa anugerah filem di Festival Filem Antarabangsa, telah dilantik sebagai Penolong Penerbit dan Penolong Ketua Pengarah MFU. Pengarah filem MFU diwakili oleh tiga kaum utama di Tanah Melayu iaitu Melayu, Cina dan India, manakala Ketua Editor dijawat oleh seorang Eurasia (Hodge 1957).

Pada tahun 1958, seramai 135 kakitangan MFU terdiri daripada warga tempatan telah menggantikan pegawai Inggeris dan Eropah dalam pelbagai bidang kemahiran seni. Hanya seorang pegawai Eropah yang merupakan penulis skrip ditugaskan sementara menunggu pengganti warga tempatan yang dilatih dan memiliki kemahiran dalam penulisan skrip filem (MFU 1957; 1958; 1959; 1960). Walau bagaimanapun, MFU menyatakan agensi mereka langsung tidak merancang untuk melaksanakan dasar Malayanisasi, akan tetapi proses ini berlangsung secara kebetulan yang akhirnya membawa kepada konsep Malayanisasi dalam MFU. Secara tidak langsung, MFU berjaya mempromosikan identiti nasional dan budaya kebangsaan melalui hubungan kerjasama antara kaum dalam proses pembikinan filem. Hal ini turut disuarakan oleh Tom Hodge bekas Ketua Pengarah MFU dalam artikelnya (Hodge 1957): “*The Unit now lives up proudly to that first word of its title, reflecting the nation in its own composition as in the films which leave its laboratories.*”

Namun begitu, laporan MFU menyatakan bahawa agensi mereka mengalami kekurangan kakitangan yang pakar dari aspek teknikal akibat kebanyakan jawatan dalam bidang teknikal yang sebelum ini dijawat oleh pegawai British dan pegawai Eropah tidak dapat diisi oleh kakitangan tempatan yang pakar, kerana mereka tidak mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang tersebut. Misalnya, sehingga tahun 1959, MFU masih tidak dapat mengisi kekosongan jawatan bagi penulis skrip filem. Rentetan itu, MFU terpaksa meminta bantuan daripada kakitangan lama yang berpengalaman bagi mengekalkan kualiti dan kuantiti pengeluaran filem.

Tidak dapat dinafikan dalam konteks mana-mana negara yang baru mencapai kemerdekaan, bantuan dan kerjasama dari negara-negara asing amat diperlukan untuk menggerakkan rancangan pembangunan sosioekonomi ekoran kekurangan modal domestik. Malah, MFU juga mengharapkan bantuan daripada pertubuhan-pertubuhan antarabangsa misalnya Rancangan Colombo untuk menghantar pakar yang mampu melatih kakitangan dalam aspek pembikinan filem (Uqbah, Nordin dan Ahmad Ali 2015). Rentetan itu, pada



Foto 2 Mohd Zain Hussain

Sumber: *The Straits Times* (1963).



Foto 3 Abdul Ghani bin Haji Ismail, Operator Kamera, MFU bersama C. M. Bennett di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi New Zealand.

Sumber: 2001/0027414W (1960).

tahun 1959, Mohd Zain Hussain, Pegawai Pembantu Penerbit Filem dari MFU dianugerahkan geran khas oleh Jabatan Penerangan Amerika Syarikat. Malahan, beliau turut diberi peluang berkunjung ke studio Hollywood dan kilang Kodak di Rochester bagi mempelajari cara-cara baharu penerbitan filem dokumentari (MFU 1959).

Kemudian dituruti oleh Abdul Ghani bin Haji Ismail, Operator Jurukamera diberi peluang berlatih di New Zealand National Film Board selama enam bulan melalui Biasiswa Rancangan Colombo pada tahun 1960. Seterusnya, Goh Meng Kwee, Jurukamera (Senior) berangkat ke Britain untuk berlatih dalam kursus sinematografi selama lima bulan melalui Colombo Plan Technical Co-operation Scheme. Cheong Lai Thong, pelukis MFU dianugerahkan geran United States Information Service (USIS) untuk melanjutkan pengajian dalam bidang seni di Amerika Syarikat. Manakala Ow Kheng Law, Ketua Pengarah MFU, mengambil cuti bekerja selama empat bulan untuk melawat Amerika Syarikat melalui geran kepimpinan oleh State Department dan melawat Lembaga Filem Kebangsaan Kanada melalui Rancangan Colombo (MFU 1960).

Pada tahun 1963, Osman Shamsudin, pengarah filem di MFU telah diberi peluang untuk menambahkan pengetahuan berkaitan filem di luar negara. Beliau telah berangkat ke Amerika Syarikat melalui program pertukaran pendidikan oleh US Department of State. Program selama tiga bulan itu bertujuan mempelajari kepelbagaiannya penerbitan dan pengarahan dari aspek televisyen dan filem melalui lawatan ke agensi televisyen Amerika dan produksi filem.

FILEM PROPAGANDA SEKTOR PERKHIDMATAN AWAM OLEH MFU, 1957–1963

Tema Dasar Kerajaan dan Perjawatan Awam

Pelbagai filem telah diterbitkan oleh MFU bagi mempromosikan peranan dan menarik sokongan penduduk terhadap sektor perkhidmatan awam di Persekutuan Tanah Melayu selepas kemerdekaan tanah air. Pada ketika ini, kerajaan persekutuan dilihat berhadapan dengan cabaran dalam menyusun dan membentuk sistem pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu. Dengan kata lain, fungsi perkhidmatan awam yang semakin membesar menyebabkan keperluan terhadap kakitangan awam turut bertambah kerana terdapat banyak jawatan kosong perlu diisi dengan tenaga kerja dalam kalangan warga tempatan (Chin 2017). Seperti yang dinyatakan di bahagian pengenalan, Tunku Abdul Rahman telah memperkenalkan dasar meMalaysiankan perkhidmatan awam. Di bawah dasar yang dinyatakan ini, kerajaan mengeluarkan arahan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang merupakan tulang belakang kepada pentadbiran persekutuan untuk melantik pegawai dan kakitangan warganegara Malaysia yang bersesuaian dan berkelayakan bagi mengambil alih jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam yang selama ini disandang oleh pegawai-pegawai ekspatriat (Bavani Devi Rajakili 2003).

Bagi merealisasikan tujuan yang dinyatakan, MFU diberi peranan penting dalam menghebahkan usaha kerajaan dalam urusan pengambilan kaktangan awam dengan memperkenalkan fungsi Jabatan Buruh kepada masyarakat di Tanah Melayu melalui filem *Looking After You* (1958). Filem ini memaparkan peranan Jabatan Buruh dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk. Filem ini dimulakan dengan pengenalan fungsi Jabatan Buruh dan organisasi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan jabatan ini. Babak yang ditunjukkan merupakan babak realiti sebenar yang ditunjukkan dalam sektor pekerjaan yang ditawarkan oleh jabatan ini dan dibantu oleh suara latar yang berperanan penting dalam memberi maklumat jelas berkaitan jawatan kosong yang diperkenalkan. Selain itu, jabatan ini turut didedahkan peranannya yang dilihat bertanggungjawab dalam memberi keadilan kepada pekerja melalui Mahkamah Buruh. Hal ini dapat dilihat melalui penekanan terhadap Akta Kerja 1955 yang dilihat sangat penting dalam menyediakan rangka-kerja undang-undang yang menyeluruh meliputi soal pembayaran gaji pekerja, hari rehat, cuti umum, penamatan kontrak kerja dan sebagainya (Hapriza 2004).

Melalui filem ini, pendekatan secara dokumentari yang digunakan mampu memberi input yang berkesan dan meluas dalam penyebaran ideologi, nilai moral, simbol dan konsep susunan sosial dalam kalangan masyarakat. Penyelidik berpendapat melalui filem yang dinyatakan telah mendedahkan pelbagai informasi yang berguna kepada masyarakat berkenaan peranan Jabatan Buruh. Malah penyelidik menyakini bahawa tindakan MFU dalam menerbitkan filem yang dinyatakan merupakan sebahagian daripada langkah bagi merealisasikan komitmen kerajaan dalam memperkasa pasaran buruh, kebijakan pekerja dan melarang amalan diskriminasi dalam kalangan mereka. Selain itu, ia juga memastikan undang-undang buruh dapat difahami dengan jelas dalam kalangan masyarakat selaras dengan standard perburuhan dan instrumen sejagat bagi meningkatkan imej dan memudah cara penyertaan Persekutuan Tanah Melayu dalam apa jua perundingan dan perdagangan antarabangsa.

Selepas kemerdekaan, kerajaan berhadapan dengan krisis kewangan bagi menampung kos perkhidmatan di Tanah Melayu. Kos perkhidmatan ini merangkumi aspek pendidikan, kesihatan dan kebijakan masyarakat. Hal ini kerana, kerajaan dilihat tidak mempunyai sumber kewangan yang kukuh malah dalam masa yang sama turut berhadapan dengan ancaman komunis. Maka, Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat berdasarkan The Social and Welfare Services Lotteries Board Ordinance 1950–1962 oleh kerajaan persekutuan dan berperanan sebagai sumber pendapatan negara bagi disalurkan kepada pembangunan negara. Sebenarnya, penubuhan Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat berkait rapat dengan penubuhan Loteri Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada tahun 1940-an yang bertujuan untuk memperoleh dana kewangan melalui skim loteri bagi membantu kebijakan masyarakat Melayu di Tanah Melayu ekoran penderitaan dan kesusahan yang dialami sewaktu era penjajahan dan komunis (Jamaie 2003).

Namun, apabila loteri mula diguna pakai bagi menampung perbelanjaan negara, timbul isu-isu sensitif dalam kalangan masyarakat Melayu yang melihat amalan loteri ini bertentangan daripada ajaran Islam (Abu Hanifah 2020). Isu ini hangat diperdebatkan dalam pelbagai saluran media terutama akhbar dan majalah (Mohd Shahru Azha, Arba'iyah dan Mohd Firdaus 2022). Penentangan jelas dilihat dalam kalangan pemimpin Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang melihat loteri sebagai salah satu daripada unsur perjudian dan mampu merosakkan akidah orang Islam (Federation of Malaya 1959). Malahan di Kelantan, penganjuran loteri mendapat bantahan daripada Sultan apabila para imam dan Lembaga Pengurus Sekolah-Sekolah Agama dinasihatkan oleh Sultan Kelantan agar melarang sebarang pembinaan masjid, madrasah dan sekolah agama menggunakan wang loteri (*Berita Harian* 1961a; 1961b). Bagi menjaga dan melindungi imej kerajaan melalui isu yang dinyatakan, MFU menerbitkan sebuah filem dokumentari berjudul *It's Not Lost* (1959) bagi membentuk propaganda dan meraih sokongan awam berkaitan isu loteri yang dinyatakan. Filem ini dimulakan dengan penerangan berkaitan penubuhan Loteri Kebajikan pada tahun 1951, dan kerajaan telah menyalurkan keuntungan hasil loteri lebih 20 juta dolar untuk dialirkan kepada prospek pembangunan di Persekutuan Tanah Melayu (MFU 1963). Situasi ini dapat dilihat melalui kenyataan dalam Social and Welfare Services Lotteries Board Ordinance, Federation of Malaya Ordinance No. 9 of 1950 seperti berikut:

...in aid of any named public philanthropic, charitable, religious or educational organisation, institution, body or service, or in carrying out any specified public philanthropic, charitable, religious or educational scheme or project, or any work beneficial to the public, or for the improvement of the social condition or for the advancement of the welfare of the public or any class thereof in some specified way or ways.

Berdasarkan filem propaganda yang dinyatakan, penyelidik melihat MFU memainkan peranan penting dalam memberi kefahaman yang jelas berkaitan isu yang dinyatakan terutamanya kepada penduduk yang

kurang memahami mengenai penggunaan loteri sebagai sumber kewangan kepada kerajaan. Filem berkenaan dilihat telah dipersembahkan dengan informasi yang menyeluruh berkaitan peranan loteri dalam pembangunan Persekutuan Tanah Melayu sekali gus dapat membina kefahaman yang jelas kepada para penduduk yang sebelum ini kurang didedahkan dengan maklumat sebenar berkaitan perkara yang dinyatakan. Hal ini, dapat membentuk keyakinan dan kepercayaan penduduk terhadap tindakan kerajaan menggunakan loteri sebagai sumber kewangan ekoran Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh yang dinyatakan masih berada dalam fasa pembangunan awal.

Tema Kesihatan

Propaganda MFU bukan sahaja berperanan untuk menyokong pemerintah terhadap rancangan-rancangan pembangunan negara tetapi badan propaganda ini turut berperanan dalam mengubah mentaliti masyarakat di Tanah Melayu yang masih berpegang kepada pemikiran yang mampu menghalang mereka untuk terus maju. Misalnya, sebelum sistem perubatan moden diperkenalkan oleh British, masyarakat Melayu mengamalkan perubatan tradisional yang menggunakan perkhidmatan dukun, bomoh, bidan dan lain-lain dalam mengubati penyakit dan masalah kesihatan (Noraziah dan Shaharuddin 1998). Walau bagaimanapun, fenomena ini menunjukkan perubahan pada tahun 1940-an apabila perubatan moden diterima sedikit demi sedikit oleh orang Melayu, terutama masyarakat Melayu yang tinggal di bandar (Muhammad Habil et al. 2023). Selepas merdeka, kerajaan berusaha memperluaskan program kesihatan ke luar bandar bagi tujuan mendidik masyarakat terhadap kepentingan penjagaan kesihatan (Zulkarnain, Sivamurugan dan Azeem Fazwan 2008). MFU diberi tanggungjawab untuk menerbitkan filem-filem dokumentari berkaitan perubatan moden bagi mengubah stereotaip mereka mengenai perkhidmatan perubatan moden yang diusahakan oleh pihak pemerintah. Tugas ini bukanlah baharu bagi MFU akan tetapi sudah dimulai sejak MFU ditubuhkan. Namun, pada ketika itu, perubatan moden hanya difokuskan kepada penduduk bandar dan para pekerja di sektor perladangan dan perlombongan.

Pada tahun 1958, akhbar *Berita Harian* melaporkan tiga suku daripada jumlah kanak-kanak di luar bandar menderita penyakit kekurangan zat makanan. Malahan laporan menyatakan beratus-ratus kanak-kanak setiap tahun menderita penyakit buta mata kerana kekurangan zat nutrisi (*Berita Harian* 1960). Oleh itu, dalam usaha pemerintah cuba untuk mengurangkan kes kematian dalam kalangan kanak-kanak, MFU telah menerbitkan dokumentari berjudul *Tiga Yang Penting* pada tahun 1960. Filem ini secara keseluruhan menggariskan prinsip utama dalam nutrisi makanan dan kepentingannya dari aspek tumbesaran dan kesihatan. Makanan yang seimbang adalah mustahak kerana ia membekalkan zat dan nutrien yang berkhasiat untuk tumbesaran tubuh badan manusia. Tubuh manusia memerlukan zat dan nutrien yang cukup bagi menjalankan fungsi-fungsi organ, seterusnya dapat membantu penghasilan tenaga, pembuangan sisa toksik dalam badan dan pelbagai lagi fungsi lain.

Sememangnya filem ini mempunyai kepentingan tersendiri ekoran sebelum kemerdekaan negara, masyarakat dilihat berhadapan dengan ancaman wabak *Neglected Tropical Diseases* (NTD) seperti beri-beri yang berpunca akibat kekurangan nutrisi seperti vitamin B1 (Noraini 2008; Siti Alwaliyah dan Ahmad Kamal Ariffin 2019). Inisiatif dan usaha pencegahan yang dilakukan oleh MFU dapat memberi maklumat kepada masyarakat berkenaan kepentingan nutrisi makanan yang seimbang bagi mencegah wabak penyakit berbahaya seperti beri-beri sekali gus dapat mengurangkan angka kematian dalam masyarakat. Malah penyelidik percaya, filem yang ditayangkan ini mampu mendidik masyarakat berkenaan penjagaan kesihatan dalam kehidupan ekoran ia bersifat pengajaran praktikal dan tidak hanya bersandarkan kepada teoritikal semata-mata.

Selepas itu, filem seterusnya yang berjudul *Building Bonny Babies* yang telah diterbitkan pada tahun 1963 dilihat mengisahkan kepentingan amalan makanan berkhasiat dalam membantu tumbesaran dan perkembangan anak mereka (MFU 1966). Filem ini secara keseluruhannya telah memaparkan realiti sebenar yang sepatutnya para penduduk lakukan dalam penjagaan kesihatan awam terutamanya penjagaan kesihatan anak dalam kehidupan. Filem ini telah dimulai dengan representasi visual dari cara salah dalam bertindak sesuatu perkara kemudian visual akan dikembangkan kepada jalan penyelesaian atau langkah yang benar untuk bertindak. Hal ini dilihat melalui babak yang dimulakan dengan kesilapan para ibu menjaga kesihatan bayi tanpa merujuk kepada premis kesihatan yang disediakan oleh kerajaan. Kemudiannya, jururawat dan doktor bertindak dalam memaparkan adegan dalam mendidik cara sebenar penjagaan anak yang dibantu melalui penerangan suara latar yang menjadi ciri istimewa filem terbitan MFU. Malah, babak yang dinyatakan merupakan babak yang sebenar diambil di premis kesihatan dalam usaha MFU memberi gambaran yang luas terhadap kepentingan penjagaan kesihatan anak dan ibu dalam kehidupan.



Foto 4 Babak dalam dokumentari *Building Bonny Babies* (1963).

Sumber: MFU (1966).



Foto 5 Babak dalam filem *Sa-Kali Chuchok Terus Semboh* (1961).

Sumber: *Sa-Kali Chuchok Terus Semboh* (1961).

Sekitar tahun 50-an, penyakit Puru (*Yaws*) yang merupakan jangkitan tropika pada kulit, tulang, dan sendi yang disebabkan oleh bakteria *spiroket Treponema pallidum* telah merebak dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu terutamanya yang menetap di luar bandar (Eddy 1985; Mohd Firdaus 2019). Malah, dari tahun 1952 hingga tahun 1964, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melancarkan program pembasmian penyakit Puru seluruh dunia (Fraser et al. 1998). Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu turut menyahut seruan WHO dalam membasmi penyakit ini daripada merebak kepada para penduduk. Pada akhir tahun 1959, seramai 511,603 orang daripada populasi 578,226 telah diperiksa dalam tinjauan awal yang memberikan kadar liputan 88.5%. Sebanyak 63,209 kes telah didiagnosis sebagai penyakit Puru dan 61,602 daripada kes ini (97.5%) telah dirawat. Di kawasan luar bandar, tinjauan semula dijalankan: seramai 647,759 orang telah diperiksa, daripada jumlah ini seramai 27,632 orang telah didiagnosis sebagai penghidap penyakit Puru dan 27,146 (98.2%) telah dirawat (*Annual Report of Medical Department 1959*). Antara kawasan yang menjadi tumpuan penyakit Puru adalah di sekitar negeri di pantai timur dan di utara kerana kawasan mereka kekurangan akses kepada pusat kesihatan dan bekalan air bersih (Mohd Firdaus 2019).

Bagi mempertingkatkan lagi kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap masalah penyakit Puru dan kaedah membasminya, MFU telah ditugaskan untuk menerbitkan sebuah filem dokumentari berjudul *Sa-Kali Chuchok Terus Semboh* (1961) (MFU 1966). Melalui filem ini, ia bukannya sebuah lakonan yang memaparkan pelakon yang diminta dalam melakonkan watak-watak tertentu, sebaliknya, ia telah membariskan jururawat, doktor dan staf kesihatan sebenar yang bertindak sebagai watak penting dalam filem dokumentari ini. Filem ini telah menggunakan khidmat Dr. Raja Ahmad Noordin yang merupakan doktor Melayu terawal di



Foto 6 Babak dalam filem *Sa-Kali Chuchok Terus Semboh* (1961).

Sumber: *Sa-Kali Chuchok Terus Semboh* (1961).

Tanah Melayu sebagai watak utama dalam memberi kesedaran kepentingan merawat penyakit Puru (Wan Mohd Rahimi dan Ahmad Kamal Arifin 2014). Filem ini diambil ketika beliau berkempen memerangi penyakit Puru di Kelantan. Malah, ia menunjukkan bagaimana dispensari bergerak telah dilaksanakan bagi menghubungkan penduduk dengan rawatan kesihatan moden. Teknik audio yang berkesan di samping penerangan terhadap cara rawatan melalui *Penicillin* turut membantu meningkatkan kefahaman penduduk terhadap ancaman penyakit ini (Mohamed 1990). Sekali gus penduduk dapat mencegah penularan penyakit ini dengan melakukan rawatan yang diajar dan ia mampu mengurangkan angka jangkitan penyakit Puru di seluruh Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu. Malah, filem ini juga bertujuan dalam menghapuskan kepercayaan penduduk yang mempercayai individu dijangkiti Puru adalah berpunca dari rasukan hantu dan saka.

Tema Isu-Isu Pembangunan Persekutuan Tanah Melayu

MFU turut berperanan dalam menerbitkan filem warta yang melaporkan perkembangan semasa negara bagi disebarluaskan kepada masyarakat di Tanah Melayu. MFU bertanggungjawab dalam merakamkan peristiwa penting dalam sejarah negara. Oleh itu, unit ini sentiasa menjelajah ke seluruh Persekutuan Tanah Melayu bagi menjalankan penggambaran mengenai keadaan masyarakat terutama di kawasan luar bandar. Misalnya, unit ini akan ikut serta dalam program gotong-royong menambak tanah merah di jalan raya kampung di Kampung Parit Kasim, Batu Pahat bagi merakamkan suasana permuafakatan masyarakat kampung dalam program gotong-royong (*Berita Harian* 1963). Semenjak kemerdekaan, unit ini meneruskan siri warta bulanan yang berjudul *New Malayan Gazettes* yang merangkumi tiga hingga empat perkara mengenai perkembangan semasa negara yang memaparkan keadaan Tanah Melayu kepada penduduk di Tanah Melayu.

Dalam aspek pendidikan, beberapa siri warta yang berjudul *New Malayan Gazettes* diterbitkan bagi melaporkan usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan persekutuan dalam proses perkembangan sistem pendidikan negara. Misalnya, *New Malayan Gazettes* No. 59/1 (1959) melaporkan penubuhan maktab perguruan baharu bagi pelatih-pelatih guru (MFU 1966). Maktab Perguruan Malaya yang telah menelan kos perbelanjaan sebanyak \$6 juta, dibina di Gelugor, Pulau Pinang manakala *New Malayan Gazettes* No. 60/4 memaparkan perkembangan sistem pendidikan tinggi dengan menunjukkan universiti-universiti yang terdapat di Tanah Melayu pada tahun 1959 (*Berita Harian* 1959b). Perkembangan sistem pendidikan turut dilaporkan dalam *New Malayan Gazettes* No. 61/2 yang berjudul *Language Institute* (MFU 1963). MFU turut melaporkan secara jelas dalam beberapa siri warta yang berjudul *New Malayan Gazettes* tentang kesungguhan kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan percuma kesihatan luar bandar termasuk penjagaan kesihatan komprehensif,

perkhidmatan *maternal* dan penjagaan kesihatan bayi, penjagaan gigi, imunisasi, perancangan keluarga, kawalan penyakit, dan kebersihan persekitaran. Jadual 1 memaparkan warta yang pernah diterbitkan oleh MFU berkaitan dengan program kesihatan.

Jadual 1 Senarai *New Malayan Gazettes* berkaitan kesihatan dari tahun 1957–1963.

Senarai warta	Tahun	Judul
<i>New Malayan Gazettes No. 59/2</i>	1959	<i>No More Bites</i>
<i>New Malayan Gazettes No. 65/2</i>	1960	<i>Meet in Malaria (anti-Malaria Conference)</i>
<i>New Malayan Gazettes No. 69/3</i>	1960	<i>Kill Them Now</i>
<i>New Malayan Gazettes No. 73/2</i>	1960	<i>World Health Organisation</i>
<i>New Malayan Gazettes No. 78/3</i>	1961	<i>New Orthopaedic Home</i>
<i>New Malayan Gazettes No. 87/1</i>	1961	<i>War on Malaria</i>
<i>New Malayan Gazettes No. 99/1</i>	1962	<i>Save a Life</i>
<i>New Malayan Gazettes No. 109/3</i>	1963	<i>New Maternity Hospital</i>

Sumber: MFU (1963).

Kerajaan sememangnya berusaha memberi tumpuan kepada perancangan luar bandar untuk membasmi kemiskinan dan juga menyediakan kemudahan awam seperti sekolah, perkhidmatan kesihatan, pembinaan jalanraya, bekalan air, elektrik dan telefon (Mohd Firdaus dan Arba'iyah 2020; Zulkarnain, Sivamurugan dan Azeem Fazwan 2008). Matlamat utama adalah meningkatkan mutu kehidupan mereka yang berada di luar bandar. Imej kerajaan dalam rancangan kemajuan luar bandar sentiasa dipaparkan dalam pelbagai siri dokumentari terbitan MFU bagi menonjolkan kesungguhan mereka dalam memajukan masyarakat di Tanah Melayu terutama di kawasan luar bandar. Misalnya, siri dokumentari *Rural Development Here and There* yang diterbitkan sepanjang tahun 1961 hingga 1963 memaparkan kemajuan yang dicapai dalam proses pembangunan luar bandar terutama dari sudut ekonomi dan sosial masyarakat. Manakala, siri dokumentari *Spotlight on Perak* (1961), *Spotlight on Negeri Sembilan* (1961), *Spotlight on Pahang* (1961), *Spotlight on Kedah* (1962) dan *Spotlight on Johore* (1963) merakamkan kemajuan yang dicapai oleh pemerintah di negeri-negeri tertentu sepanjang mereka memimpin Tanah Melayu (MFU 1966). Bagi dokumentari *The First Year* (1958), *Year 1959* (1960), *Year 1961* (1960) dan *Year 1962* (1963) pula merupakan dokumentari terpenting dalam sejarah perkembangan Tanah Melayu kerana filem ini berjaya merakamkan setiap detik terpenting sepanjang tahun dan kemajuan yang dicapai dalam tahun tersebut (Zulkarnain, Sivamurugan dan Azeem Fazwan 2008).

TAYANGAN FILEM PROPAGANDA SEKTOR PERKHIDMATAN AWAM 1957–1963

MFU tidak seperti produksi filem komersial yang mengejar keuntungan melalui tayangan filem di panggung wayang, tetapi pendapatan MFU diperoleh daripada pembeli-pembeli filem dari luar negara dan juga perkhidmatan yang diberikan mereka dalam menerbitkan filem bagi kegunaan syarikat industri atau agensi luar. MFU tidak bergerak sendiri dalam menyebarkan bahan propaganda kepada masyarakat di Tanah Melayu. Semenjak MFU ditubuhkan, penggunaan van mudah alih dan panggung wayang komersial dijadikan saluran untuk menayangkan bahan propaganda mereka kepada penonton yang disasarkan. Bentuk tayangan filem ini telah dikekalkan walaupun selepas kemerdekaan. Van mudah alih biasanya dikendalikan oleh Jabatan Penerangan dan ada kalanya Jabatan Kesihatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan agensi-agensi kerajaan lain, manakala panggung wayang dikendalikan oleh usahawan-usahawan filem tempatan seperti Rex, Capitol, Lido dan Cathay. MFU bekerjasama dengan pengusaha panggung wayang untuk menayangkan filemnya di pawagam sebelum sesebuah filem komersial ditayangkan. Misalnya, filem sekitar lawatan rasmi Yang di-Pertuan Agong ke Johor telah ditayangkan di panggung Cathay dan Rex di Batu Pahat selama tiga hari berturut-turut (*Berita Harian* 1959a). Tayangan filem mengenai kemajuan rancangan pembangunan luar bandar di Pahang dan filem berjudul *Year 1961* turut ditayangkan di panggung Cathay dan telah ditonton oleh Pegawai Kanan Kerajaan termasuk Menteri Besar, Pahang (*The Straits Times* 1962).

Sebagai langkah penayangan filem propaganda di kawasan luar bandar, MFU bergantung kepada perkhidmatan van mudah alih yang ditugaskan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti pendidikan kepada masyarakat di kampung-kampung dengan menggunakan pelbagai medium propaganda seperti risalah, ceramah dan filem. Oleh itu, pada tahun 1957, sebanyak 123 van mudah alih digerakkan untuk menayangkan filem MFU di seluruh kawasan kampung termasuk Kampung Baru Cina (Hodge 1957). Lawatan berkenaan dilihat



Foto 7 Van mudah alih membuat pengumuman berkenaan program wayang pacak.

Sumber: Koleksi Jabatan Penerangan.

dilakukan dalam tempoh lapan minggu sekali dan dilaksana dengan lebih serius oleh kerajaan sejak tahun 1959, apabila Syed Ja’afar Albar menyatakan MFU berperanan penting dalam proses pembinaan negara (MFU 1957; 1958; 1959; 1960). Beliau turut menyatakan keperluan untuk MFU memberi tumpuan kepada objektif utama kerajaan iaitu membentuk “bangsa tunggal.” Ekoran daripada itu, Syed Ja’afar menegaskan fokus utama MFU perlu diubah bagi membantu kerajaan menamatkan isu perkauman melalui budaya dan bahasa kebangsaan, menyatukan kaum (*The Straits Times* 1959). Melalui seruan yang dinyatakan, langkah mendidik penduduk luar bandar turut dipergiatkan pada tahun 1959, apabila Jabatan Penerangan dikerah untuk menyusun rancangan mendidik penduduk di kampung tentang perancangan kemajuan luar bandar. Selain itu, golongan pelajar, kakitangan perkhidmatan awam, kakitangan penguat kuasa dan lain-lain turut menjadi antara target penonton pada ketika ini. Pegawai dari Jabatan Penerangan dalam masa yang sama telah ditugaskan untuk tinggal bersama penduduk di kawasan luar bandar supaya komunikasi antara penduduk dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Tayangan filem melalui van mudah alih biasanya tertumpu kepada masyarakat yang tinggal di luar bandar. Ada kalanya, bot juga digunakan oleh Jabatan Penerangan bagi menayangkan bahan propaganda di kawasan kampung yang terletak di pinggir sungai. Van mudah alih digerakkan ke setiap kampung, melawat sekurang-kurangnya sekali sebulan dan membawa filem-filem dokumentari untuk ditayangkan kepada penduduk kampung. Keseronokan bermula sebaik saja van mudah alih tiba di kampung. Pasukan van mudah alih bekerja keras dalam menghebahkan aktiviti yang bakal dilaksanakan pada waktu malam bagi menarik perhatian masyarakat untuk datang menonton.

Sejam sebelum matahari terbenam, van mudah alih akan berlebar di sekitar kampung bagi proses hebatan mengenai tayangan filem yang bakal berlangsung pada malam hari. Sejurus sebelum matahari terbenam, van mudah alih akan berhenti di kawasan lapang seperti padang bola atau persimpangan yang luas di tengah pekan dan kemudian ahli pasukan akan mula membuat persediaan dengan memacakkkan layar putih dan memasang projektor. Operator van mudah alih turut diarahkan untuk mempercepatkan persediaan tayangan dan muzik perlu dimainkan jika terdapat sebarang jurang dalam pengaturcaraan tayangan bagi mengelakkan penonton berasa bosan (1978/00513 1978).

Para pegawai akan meletakkan projektor di atas meja dan mendirikan pagar kayu untuk keselamatan projektor agar tiada gangguan oleh kanak-kanak kampung yang nakal. Tayangan filem dimulakan sejurus pengumuman ringkas dibuat oleh operator melalui pembesar suara. Biasanya, setiap program dua buah filem MFU akan ditayang dan diakhiri dengan tayangan filem komersial misalnya filem Melayu, filem kartun, filem koboi atau filem Hindi. Sebelum proses pelaksanaan program tayangan ini, Pegawai Penerangan akan mengadakan perbincangan dengan Pegawai Daerah tempatan untuk memilih filem yang sesuai untuk ditayangkan.



Foto 8 Persediaan oleh pegawai Jabatan Penerangan sebelum tayangan.

Sumber: Koleksi Jabatan Penerangan.



Foto 9 Penggunaan bot mudah alih sebagai medium tayangan filem MFU di kawasan kampung persisiran sungai.

Sumber: Koleksi Arkib Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Masyarakat kampung menyambut baik kedatangan pasukan van mudah alih setiap kali mereka datang untuk menayangkan filem baru MFU. Misalnya, di Pekan Ayer Mawang, Johor, Negeri Sembilan, dilaporkan program tersebut mendapat sambutan meriah daripada orang ramai dan laporan mencatatkan hampir 500 orang Melayu dan Cina datang untuk menonton wayang pacak tersebut (*Berita Harian* 1959c). Meskipun Barnard (2009) beranggapan MFU tidak berjaya memberi kesan kepada masyarakat di Tanah Melayu, namun begitu melalui penayangan filem MFU dalam tempoh yang dinyatakan telah memberi memori dan pengalaman berharga kepada penduduk yang dahulunya kurang mendapat hiburan terutamanya menonton wayang bergambar kerana panggung wayang biasanya terletak di kawasan bandar yang jauh dari tempat tinggal mereka. Malah, penduduk setempat dilihat tidak sabar menantikan tayangan filem yang dinyatakan di samping turut membawa bekalan makanan ketika tayangan filem pada sebelah malam (Jamil 2022).



Foto 10 Program wayang pacak oleh Jabatan Penerangan.

Sumber: Aria Judah (2017).

KESIMPULAN

Konklusinya, MFU berperanan penting sebagai alat propaganda dalam usaha kerajaan persekutuan mempromosikan peranan dan menarik sokongan penduduk terhadap aktiviti perkhidmatan awam di Persekutuan Tanah Melayu. Malah, MFU dilihat sebagai medium terawal yang digunakan oleh kerajaan persekutuan bagi tujuan yang dinyatakan yang selepas itu terus dimantapkan selepas pembentukan Malaysia dan penubuhan Filem Negara Malaysia pada tahun 1963. Malah kerajaan persekutuan dilihat bertanggungjawab dalam meningkatkan imej dan mutu perkhidmatan awam melalui MFU. Namun begitu, dalam tempoh yang dinyatakan, sukar untuk menentukan kejayaan MFU dalam tujuan yang dinyatakan. Hal ini kerana, MFU hanya unit propaganda kerajaan. Malah, dapatan penyelidikan ini telah mengesahkan bahawa MFU telah menjadi antara medium terpenting bagi kerajaan dalam menyampaikan dasar dan polisi kepada penduduk.

Kesedaran kerajaan terhadap kekuatan filem mampu merangsang pemikiran dan mempengaruhi tingkah laku masyarakat dalam proses penyampaian maklumat melalui paparan audio visual telah menyebabkan MFU dikekalkan sebagai badan propaganda untuk menyokong pemerintah di Persekutuan Tanah Melayu. Dalam usaha kerajaan persekutuan mengekalkan posisi MFU sebagai alat propaganda kerajaan, pelbagai usaha telah dilakukan termasuk pembaharuan dalam penghasilan filem, penayangan filem di seluruh Persekutuan Tanah Melayu, perubahan pengurusan dalam MFU, dan lain-lain lagi. Hasilnya, ia memberi momentum berkesan kepada MFU apabila menyaksikan peningkatan dalam tayangan filem propaganda perkhidmatan awam oleh MFU di seluruh Persekutuan Tanah Melayu. MFU dilihat telah diperkasakan lagi peranan selepas pembentukan Malaysia dan penubuhan Filem Negara Malaysia pada tahun 1963.

PENGHARGAAN

Penulis ingin melahirkan penghargaan kepada Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Sastera, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia kerana memberi galakan dalam penghasilan artikel ini.

RUJUKAN

- 1957/0676229. 1946. Proposal for a Scheme for the Malayan Film Unit, Policy Malayan Film Unit, 28 October.
- 1978/00513. 1978. DOI (K/P) No.640/53, Live Shows by Mobile Units, Doc. 11a, "Routine Procedure for Staging of Live Shows by a Team of Three Persons." Arkib Negara Malaysia.
- 2001/0019869. n.d. The Birth of the Malayan Film Unit by M.C. ff. Sheppard.
- 2001/0027414W. 1960. Encik Abdul Ghani bin Haji Ismail, of The Malayan Film Unit. A Call on The New Zealand High Commissioner, Mr. C. M. Bennett, 5.7.1960, Jabatan Penerangan, Arkib Negara Malaysia.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2004. *Patriotisme: Agenda Pembinaan Bangsa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Abu Hanifah Jamil. 2020. "Loteri UMNO Malaya 1946–1969." *SEJARAH: Journal of the Department of History* 29(1): 117–142. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol29no1.7>
- Affuddin Omar. 1990. *Perhubungan dan Penyertaan Rakyat dalam Program dan Projek Pertanian Kedah*. Alor Setar, Kedah: Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).
- Annual Report of Medical Department 1959*, Federation of Malaya.
- Ariah Judah. 2017. *Negaraku 60 Tahun Merdeka*. Putrajaya: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Arizah Jamil, Zairul Anuar Md. Dawam and Mohd Nor Shahizan Ali. 2016. "Kaedad Perolehan Rancangan Televisyen di RTM: Isu dan Cabaran Syarikat Produksi Tempatan." *Gendang Alam* 6: 55–75 <https://doi.org/10.51200/ga.v6i.513>
- Asyiqah Mohamad Jamil. 2021. "The Malayan Emergency Leaflets: Its Roles and Effects in the 'Psychological War' against Communism during The Malayan Emergency Period." *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)* 8(1): 37–48.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Mohamed Ali Haniffa and Wayu Nor Asikin Mohamad. 2019. "Perlembagaan Persekutuan Malaysia Mengharmonikan Ikatan Masyarakat Majmuk di Malaysia." *Journal of Muwafaqat* 2(1): 60–74.
- Badrul Redzuan Abu Hassan. 2015. "Prospek Penapisan Kendiri: Analisis Wacana Sinema Serantau." *Geografia – Malaysian Journal of Society and Space* 11(2): 17–29.
- Barnard, Timothy P. 2009. "Decolonization and the Nation in Malay Film, 1955–1965." *South East Asia Research* 17(1): 65–86. <https://doi.org/10.5367/00000009787586415>
- Bavani Devi Rajakili, 2003. "Sejarah Perkembangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Tanah Melayu, 1957–1970." PhD diss., Universiti Malaya.
- Before The Wind*. 1953. Malayan Film Unit.
- Berita Harian*. 1959a. 14 March.
- Berita Harian*. 1959b. 14 May.
- Berita Harian*. 1959c. 11 July.
- Berita Harian*. 1960. 30 June.
- Berita Harian*. 1961a. 9 June.
- Berita Harian*. 1961b. 30 September.
- Berita Harian*. 1963. 7 May.
- Buffaloes for Ploughing*. 1953. Malayan Film Unit.

Chellitda Farhana Gunaish, Mohd Firdaus Abdullah and Wan Hasmah Wan Teh

- Chellitda Farhana Gunaish, Mohd Firdaus Abdullah and Wan Hasmah Wan Teh. 2022. "Propaganda dan Perang Saraf British di Tanah Melayu melalui Malayan Film Unit (MFU) 1946–1957." *Wacana Seni Journal of Arts Discourse* 21: 93–107. <https://doi.org/10.21315/ws2022.21.8>
- Chellitda Farhana Gunaish. 2022. "Propaganda dan Cabaran Malayan Film Unit (MFU) di Tanah Melayu, 1957–1963." Master's thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Chin, James. 2017. "History and Context of Public Administration in Malaysia." In *Public Administration in Southeast Asia: Thailand, Philippines, Malaysia, Hong Kong, and Macao*. New York: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781315089287-7>
- Christopher, A. J. 1988. "'Divide and Rule': The Impress of British Separation Policies." *Area* 20(3): 233–240.
- Eddy K. C. Lo. 1985. "Yaws in Malaysia." *Reviews of Infectious Diseases* 7(S2): 251–253. https://doi.org/10.1093/clinids/7-Supplement_2.S251
- Federation of Malaya. 1959. "Social and Welfare Lotteries (Col. 1528)." *Parliamentary Debates: Dewan Ra'ayat Official Report*, Volume I, No. 16, 14 December.
- Fraser, Claire M. et al. 1998. "Complete Genome Sequence of *Treponema pallidum*, the Syphilis Spirochete." *Science* 281(5375), 375–388. <https://doi.org/10.1126/science.281.5375.375>
- Getah*. 1951. Malayan Film Unit.
- Hapriza Ashari. 2004. *Undang-Undang Pekerjaan: Huraian dan Panduan Terhadap Akta Kerja 1955*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Hodge, Tom. 1957. "Eleven Years of the Malayan Film Unit: A Record of Solid Achievement." *EdScreen and AV Guide* 11: 538–539.
- Jamaie Jamil. 2003. "Kepimpinan Politik: Pola Kepimpinan Politik UMNO." *Akademika: Journal of Southeast Asia Social Sciences and Humanities* 62: 17–39.
- Jamil Ahmad. 2022. Personal interview in Sungai Petani, Kedah. 10 July.
- Loganathan Veerasamy and Sivachandralingam Sundara Raja. 2014. "Integriti dalam Perkhidmatan Awam pada Era Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, 1957–1970." *Sejarah: Journal of the Department of History* 23(1): 147–173. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol23no1.7>
- MFU (Malayan Film Unit). 1957. *Annual Report 1957*. Federation of Malaya.
- MFU (Malayan Film Unit). 1958. *Annual Report 1958*. Federation of Malaya.
- MFU (Malayan Film Unit). 1959. *Annual Report 1959*. Federation of Malaya.
- MFU (Malayan Film Unit). 1960. *Annual Report 1960*. Federation of Malaya.
- MFU (Malayan Film Unit). 1963. *Films of Malaya: Catalogue of films made by Malayan Film Unit*. Kuala Lumpur: Department of Information.
- MFU (Malayan Film Unit). 1966. *Films of Malaya: Catalogue of films made by Malayan Film Unit*. Kuala Lumpur: Department of Information.
- Mohamad Rodzi Abd Razak. 2009. "Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan." *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies* 36: 90–106.
- Mohamed, Kader N. 1990. "Late Yaws and Optic Atrophy." *Annals of Tropical Medicine and Parasitology* 84(6): 637–639. <https://doi.org/10.1080/00034983.1990.11812521>
- Mohd Firdaus Abdullah and Arba'iyah Mohd Noor. 2019. "Perlaksanaan Bekalan Air Luar Bandar di Negeri Kedah, 1909–1957." *International Journal of the Malay, World and Civilisation* 7(1): 55–67.

- Mohd Firdaus Abdullah and Arba'iyah Mohd Noor. 2020. "Pembangunan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah, 1957–1992." *Kajian Malaysia* 38(1): 89–113. <https://doi.org/10.21315/km2020.38.1.5>
- Mohd Firdaus Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor, Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Norasmahani Hussain, and Norazilawati Abd Wahab. 2021. "Di Sebalik Isu Natrah, 1950: Reaksi Pembaca *The Straits Times* terhadap Tragedi Natrah." *Journal of Al-Tamaddun* 16(1): 47–64. <https://doi.org/10.22452/JAT.vol16no1.4>
- Mohd Firdaus Abdullah. 2019. "Pembangunan Bekalan Air Domestik di Negeri Kedah, 1957–1992." PhD diss., Universiti Malaya.
- Mohd Shahrul Azha Mohd Sharif, Arba'iyah Mohd Noor and Mohd Firdaus Abdullah. 2022. "Perkembangan Syarikat Percetakan Qalam Press, 1948–1969." *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 38(1): 179–200. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2022-3801-10>
- Mohd Sohaimi Esa. 2011. "Sumbangan Tun Abdul Razak dalam Membina Hubungan Malaysia-Indonesia." *SEJARAH: Journal of the Department of History* 19(19): 197–216. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol19no19.9>
- Muhammad Habil Sahidan, Mohd Firdaus Abdullah, Arba'iyah Mohd Noor and Noraini Mohamed Hassan. 2023. "Cholera Pandemic in Malaya: A Case Study in the State of Kedah, 1907–1940." *Journal of Sustainability Science and Management* 18(5): 160–176. <https://doi.org/10.46754/jssm.2023.05.012>
- New Straits Times*. 2019. 4 August.
- Noraini Mohamed Hassan. 2008. "Penyakit Tropika di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896–1914." Master's thesis, Universiti Malaya.
- Noraziah Ali and Shaharuddin Ahmad. 1998. "Taraf Kesihatan Wanita Melayu Sebelum Merdeka." *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu* 15 and 16: 101–128.
- Norma Mohd Darus. 2008. "Sejarah Perkhidmatan Awam Negeri Perlis." *Jurnal Warisan Indera Kayangan* 20: 32–36.
- Padi Song (Peladang)*. 1954. Malayan Film Unit.
- Rural Development Here and There*. 1961–1963. Malayan Film Unit.
- Sa-Kali Chuchok Terus Semboh*. 1961. Malayan Film Unit.
- Sahul Hamid Mohamed Maiddin. 2010. "Propaganda dan Perang Saraf dalam Era Konfrontasi Malaysia-Indonesia, 1963–1966." Master's thesis, Universiti Malaya.
- Sahul Hamid Mohamed Maiddin. 2017. "Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Agensi Propaganda: Pengalaman Malaysia Sejak Darurat Sehingga Konfrontasi Malaysia-Indonesia (1948–1965)." *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategy* 44(2): 137–158.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. 2016. Rancangan Malayanisation dalam Dasar Pengambilan Kakitangan Awam di Persekutuan Tanah Melayu (1948 hingga 1970). *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 24: 21–65. <https://doi.org/10.51200/manu.v24i0.516>
- Shemaala Mohan, 2022. "Buruh India di Kedah, 1909–1940: Cabaran dan Sumbangan kepada Pembangunan Ekonomi Kedah." Master's thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Siti Alwaliyah Mansor and Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. 2019. "Penularan Penyakit Beri-Beri di Penjara Negeri-Negeri Selat: Penelitian Terhadap Sebab dan Langkah-Langkah Kawalannya, 1870–1915." *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategy* 46(1): 27–57.
- Siti Normala Hamzah, Mohamad Saleeh Rahamad @ Ahamad and Md Azalanshah Md Syed. 2018. "Isu Tanah dalam Filem-Filem Terpilih Rahim Razali." *Forum Komunikasi* 13(2):1–31.
- Social and Welfare Services Lotteries Board Ordinance, Federation of Malaya Ordinance No. 9 of 1950.
- Spotlight on Johore*. 1963. Malayan Film Unit.
- Spotlight on Kedah*. 1962. Malayan Film Unit.

Chellitda Farhana Gunaish, Mohd Firdaus Abdullah and Wan Hasmah Wan Teh

Spotlight on Negeri Sembilan. 1961. Malayan Film Unit.

Spotlight on Pahang. 1961. Malayan Film Unit.

Spotlight on Perak. 1961. Malayan Film Unit.

Sulzberger, C. L. 1985. *World War II.* Houghton Mifflin Harcourt.

The Letter. 1953. Malayan Film Unit.

The Straits Times. 1957. 22 Mac.

The Straits Times. 1959. 21 October.

The Straits Times. 1962. 12 January.

The Straits Times. 1963. 22 December.

Tiga Yang Penting. 1960. Malayan Film Unit.

Uqbah Iqbal, Nordin Hussin and Ahmad Ali Seman. 2015. "Sejarah Pemikiran Pandang ke Timur semasa Era Tunku Abdul Rahman." *SARJANA* 30(1): 83–98.

Wan Mohd Rahimi Rahim and Ahmad Kamal Arifin Mohd Rus, 2014. "Program Perancang Keluarga dalam Perkhidmatan Kesihatan Awam di Semenanjung Malaysia, 1957–1975." *SEJARAH: Journal of the Department of History* 23(2): 85–110. <https://doi.org/10.22452/sejarah.vol23no2.5>

Zulkarnain A. Hatta, Sivamurugan Pandian and Azeem Fazwan Ahmad Farouk. 2008. "Pembangunan Sosial 50 Tahun Merdeka." *Jurnal Kemanusiaan* 12: 33–42.